

## Amalan Pembelajaran Pelajar Tahfiz di Institusi Tahfiz Swasta (Tahfiz Students' Learning Practices in Private Tahfiz Institutions)

FARAH ILYANI ZAKARIA\*, MOHD ADERI CHE NOH & KHADIJAH ABD RAZAK

### ABSTRAK

*Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti tahap persepsi amalan pembelajaran tahfiz pelajar-pelajar di institusi-institusi tahfiz swasta di Malaysia. Kajian ini melibatkan 308 pelajar di institusi tahfiz swasta di Malaysia. Reka bentuk kajian ini adalah kajian kuantitatif yang menggunakan soal selidik sebagai instrumen kajian yang telah dibina sendiri oleh penyelidik dan disahkan kandungannya oleh panel rujukan pakar. Data kuantitatif dianalisis secara deskriptif menggunakan Statistical Package for Social Sciences (SPSS) untuk mendapatkan kekerapan, peratus, min dan sisihan piawai. Dapatan keseluruhan menunjukkan bahawa tahap amalan pembelajaran pelajar tahfiz pada tahap sederhana tinggi iaitu ( $min = 3.74, sp. = 0.43$ ). Dapatan kajian menunjukkan bahawa tahap amalan pembelajaran bersama guru, rakan sebaya dan sendiri berada pada tahap tinggi. Namun demikian elemen-elemen seperti kaedah penulisan dan elemen kefahaman berada pada tahap sederhana tinggi manakala elemen yang melibatkan aktiviti penulisan al-Quran berada pada tahap sederhana rendah sedangkan teori dan dapatan lepas menunjukkan kepentingan elemen-elemen tersebut dalam amalan pembelajaran pelajar tahfiz.*

*Kata kunci: Pendidikan tahfiz, institusi tahfiz, amalan pembelajaran tahfiz*

### ABSTRACT

*This study aims to explore the perceptions of Tahfiz Learning Practice in Private Tahfiz Institutions in Malaysia. The study involved 350 students in private tahfiz institutions in Malaysia. The instrument is a questionnaire that has been developed by the researcher and confirmed by an expert panel. Quantitative data in descriptive analysis uses Statistical Package for Social Sciences (SPSS) to obtain frequency, percentage, mean and standard deviation. The overall findings show that the level of student learning practice at Tahfiz is moderately high ( $mean = 3.74, sp = 0.43$ ). The findings show that the practice of learning with teachers, peers and self-esteem is at high level. Nevertheless, elements such as writing methods and element of understanding are at moderate high level while elements involving al-Quran writing activities are at low moderate level.*

*Keywords: Tahfiz education, tahfiz institution, tahfiz student learning*

### PENGENALAN

Pendidikan tahfiz adalah antara pendidikan terawal dalam sejarah pendidikan Islam bertujuan menjaga kemutawatian al-Quran. Hafazan al-Quran pada hakikatnya ialah suatu usaha periwayatan yang paling tinggi darjat kesahihannya sama ada dari segi lafaz dan makna (Ashraf Ismail 2018). Al-Quran yang diturunkan kepada Nabi Muhammad SAW melalui perantaraan Jibril a.s secara talaqqi dan musyafahah kemudian dihafaz oleh Baginda SAW. Kemudian, para sahabat turut menghafaz al-Quran apabila disampaikan oleh Baginda Rasulullah SAW. Al-Quran dipelihara melalui tiga kaedah utama iaitu talaqqi dan musyafahah, hafazan dan penulisan Al-Quran.

Perkembangan pendidikan tahfiz di kebanyakan negeri di Malaysia sangat pesat dengan bertambahnya bilangan sekolah tahfiz swasta dan sekolah tahfiz rakyat dari hari ke hari (Azmil Hashim & Misnan Jemali 2015). Sambutan ibu bapa yang amat menggalakkan terhadap pendidikan

tahfiz mendorong mereka memilih institusi-institusi tahfiz swasta bagi memenuhi peluang yang terhad dalam aliran pendidikan tahfiz perdana (Ashraf Ismail 2018). Ternyata, kepelbagaian institusi ini membawa kepada kepelbagaian metode yang diguna pakai untuk menghasilkan pelajar yang mempunyai hafazan yang mantap. Seiring dengan masa yang pantas berlalu, sistem tahfiz ini mula mengambil kira kuantiti masa yang dilaburkan untuk menghafaz al-Quran. Sesuatu kaedah atau sistem hafazan dianggap berjaya apabila semakin singkat jumlah masa atau tahun yang perlu dilalui oleh pelajar.

Namun demikian, pengaruh amalan pembelajaran pelajar mempunyai pelbagai metode memberikan impak yang berbeza. Menurut Abu Najihat al-Hafiz (2001: 20), walau apa pun amalan pembelajaran pelajar ia tidak dapat lari daripada konsep 'beransur-ansur' dalam menghafaz al-Quran. Bahkan manhaj 'tidak terburu-buru menghafaz' ini menjadi manhaj yang sederhana tetapi sangat signifikan untuk jangka masa yang lama. Sebagaimana firman Allah SWT:

Janganlah engkau (Muhammad) gerakkan lidahmu (untuk membaca al-Quran) kerana hendak cepat-cepat menguasainya.

(Surah al-Qiyamah: 16)

Malah penyampaian al-Quran secara sedikit demi sedikit ini telah dipraktikkan oleh Jibrail a.s. kepada Rasulullah SAW. Caranya dengan memperdengarkan bacaannya lalu diikuti oleh sahabat sebelum menghafaznya. Selain dari itu, Baginda juga menyuruh beberapa orang sahabatnya yang pandai agar menulis ayat-ayat suci al-Quran yang hendak dihafaz di atas kepingan batu-batu, tulang-tulang dan pelepah tamar.

Ini bermakna metode hafazan al-Quran terbaik dapat diteladani daripada metode pengajaran Rasulullah SAW mengajar sahabat-sahabat Baginda (Al-Habash 1987). Sebagaimana firman-Nya bahawa Allah telah mempermudah kepada manusia untuk menghafaz al-Quran (al-Qamar 54: 17) dan memelihara isi kandungannya supaya al-Quran terpelihara dari segala bentuk penyelewengan dan perubahan (al-Hijr 15: 9).

Objektif penubuhan institusi-institusi tahfiz ini pastinya bertujuan untuk melahirkan huffaz yang mahir dalam pembacaan dan pengajian ilmu al-Quran. Sekaligus memelihara kesucian dan kesahihan al-Quran al-karim dan sehingga terbentuk generasi al-Quran yang bertakwa, berilmu dan bermanfaat kepada pembangunan negara dan ummah (Darul Quran 2006).

Namun demikian, kajian Azmil Hashim (2010) terhadap penilaian pencapaian pelajar tahfiz di Darul Quran dan Maahad Tahfiz al-Quran Negeri (MTQN), menegaskan bahawa pencapaian pelajar masih belum mencapai objektif pendidikan tahfiz yang telah digariskan iaitu menghafaz al-Quran dengan lancar. Hal ini berlarutan sejak awal tahun 2000 apabila kajian Misnan Jemali dan Ahmad Sadadi (2003) mendapati 60% daripada pelajar-pelajar tidak dapat menamatkan hafazan al-Quran mengikut jadual yang telah ditetapkan. Pelajar-pelajar tahfiz juga didapati tidak dapat mencapai pemahaman maksud ayat, hafazan al-Quran dengan mengetahui asbab nuzul dan hafazan al-Quran dengan mengetahui pengajaran ayat. Kelancaran hafazan al-Quran juga masih lemah dan dapat dikesan melalui dapatan ujian syafawi. Apatah lagi, kemahiran mengeluarkan ayat-ayat tertentu berdasarkan hukum atau *maudhu'* didapati masih lemah. Malang sekali, pencapaian pengekal terhadap hafazan menunjukkan turut berada pada tahap yang lemah (Asraf Ismail 2018).

Oleh itu, amalan pembelajaran pelajar sangat penting berpengaruh terhadap pencapaian akademik (Meor Ibrahim & Assaadah Mohamad 2011). Amalan pembelajaran telah menyediakan satu mekanisme pembelajaran yang dapat memberi cabaran yang betul kepada pelajar dan menyediakan maklum balas yang tepat terhadap pencapaian akademik mereka. Kajian Misnan Jemali dan Ahmad Sadadi (2003) mendapati kelemahan dalam pencapaian hafazan pelajar dikenal pasti berpunca daripada kurangnya strategi, teknik dan motivasi yang diaplikasi

dalam amalan pembelajaran tahfiz dalam kalangan pelajar-pelajar tahfiz.

Kajian Azmil Hashim et al. (2013) pula mendapati kegagalan proses pengajaran dan pembelajaran tahfiz yang tersusun berpunca daripada ketidakjelasan kemahiran ikhtisas perguruan tahfiz yang ditawarkan di institusi-institusi pendidikan. Manakala guru-guru tahfiz juga didapati kurang menggunakan bahan bantu mengajar yang berteknologi tinggi walaupun mereka bersetuju bahawa penggunaan teknologi dapat membantu dalam meningkatkan mutu hafazan al-Quran (M. Marzuqi 2008). Ini mungkin berpunca daripada keselesaan mereka terhadap metode tradisional sedia yang ada diamalkan semenjak mereka juga bergelar pelajar. Ternyata, amalan pembelajaran pelajar dipengaruhi oleh pengalaman pembelajaran terdahulu yang dilalui oleh guru tahfiz ketika bergelar pelajar tahfiz.

Objektif kajian ini ialah mengenal pasti tahap amalan pembelajaran pelajar tahfiz di maahad-maahad tahfiz swasta berdasarkan persepsi pelajar tahfiz. Objektif yang dikemukakan di dalam kertas ini merupakan objektif kajian yang keempat daripada empat objektif yang lain yang tidak menjadi perbincangan di dalam kertas kajian ini.

#### KERANGKA TEORI

Kajian amalan pembelajaran pelajar tahfiz ini merujuk kepada teori pengajaran dan pembelajaran tahfiz oleh al-Qabisi (1955). Kaedah yang dikemukakan dalam proses pengajaran dan pembelajaran tahfiz ialah kaedah *talqin* (mengajar), *takrar* (latih tubi), *al-mail* (cintakan al-Quran) dan *al-fahm* (kefahaman). Teori al-Qabisi (1955) turut mengemukakan idea kepentingan rangsangan pancaindera melalui kemahiran mendengar, melihat, membaca dan menulis. Di samping itu, Al-Qabisi (1955) juga turut menekankan aktiviti penilaian dalam pengajaran dan pembelajaran tahfiz yang berlaku dalam bentuk penilaian harian, penilaian mingguan dan penilaian akhir.

Kajian ini turut berasaskan Teori Pembelajaran Behaviorisme oleh Burrhus Frederic Skinner (1904-1990) yang mengatakan bahawa pembelajaran merupakan satu proses pelaziman di mana hubungan antara rangsangan luar dengan tindak balas individu dapat dibina untuk menghasilkan perubahan tingkah laku yang tekal. B.F. Skinner mengatakan bahawa proses pembelajaran sangat berkesan apabila: (1) maklumat yang akan dipelajari dikemukakan secara bertahap; (2) pembelajaran yang segera diberi respons (*feedback*) mengenai tahap pembelajaran mereka iaitu mereka segera diberitahu sama ada mereka sudah memahami maklumat tersebut dengan tepat atau tidak. Manakala (3) pelajar mampu belajar dengan caranya sendiri.

Oleh itu "amalan pembelajaran" dalam kajian ini merujuk kepada proses pemerolehan maklumat dan pengetahuan, penguasaan kemahiran dan tabiat serta pembentukan sikap dan kepercayaan dalam menghafaz al-Quran yang menjadi amalan. Proses pembelajaran berlaku

sepanjang hayat, di mana-mana tempat dan pada sebarang masa. Dalam konteks menghafaz al-Quran, amalan pembelajaran yang diamalkan oleh pelajar menyebabkan pelajar dapat belajar dan menguasai isi pelajaran bagi mencapai sesuatu objektif yang ditentukan.

#### METODOLOGI

Kajian ini merupakan kajian kuantitatif yang menggunakan soal selidik kerana ia bersesuaian dengan teknik tinjauan (Robson 1988) dan melibatkan 308 orang pelajar tahfiz dari institusi tahfiz swasta yang dipilih secara rawak di seluruh Malaysia tidak termasuk Sabah dan Sarawak. Konstruksi-konstruksi kajian ini dibentuk berdasarkan kepada hasil tinjauan kajian-kajian terdahulu yang dijalankan oleh penyelidik lain. Manakala pemurnian instrumen yang dibina telah disemak dan disahkan oleh seramai 15 orang pakar dalam bidang tahfiz. Instrumen yang ditadbir mengandungi dua bahagian iaitu Bahagian A bagi mengumpul maklumat demografi manakala Bahagian B yang mengandungi empat konstruk iaitu (i) Kurikulum, (ii) Amalan Pembelajaran, (iii) Persekitaran dan (iv) Cabaran Dan Halangan. Namun begitu, penulisan artikel ini hanya mengemukakan dapatan konstruk kedua yang dikaji iaitu amalan pembelajaran pelajar tahfiz.

Kajian ini menggunakan teknik pemungutan data secara skala jawapan jenis Likert lima mata sebagai skala jawapan responden terhadap semua pernyataan yang digunakan dalam instrumen kajian. Skala Likert sesuai digunakan bagi mengukur pandangan yang diberikan oleh responden secara berterusan tentang suatu amalan persepsi dan sikap (Cohen et al. 2000). Justeru, responden diminta memilih jawapan mereka dengan menandakan salah satu dari nombor dari 1 hingga 5 berdasarkan keterangan bagi nombor-nombor tersebut iaitu Sangat Tidak Setuju (1) hingga kepada Sangat Setuju (5).

Proses penganalisaan data-data kuantitatif ini dilakukan secara deskriptif melalui analisis berkomputer menggunakan perisian *Statistical Package for Social Sciences* (SPSS). Statistik deskriptif yang digunakan ialah frekuensi, peratusan, min dan sisihan piawai. Penyelidik menghuraikan analisis deskriptif ini dengan menggunakan Jadual Interpretasi Min Tingkah Laku Afektif yang telah dirumuskan oleh Nunally (1978) seperti di Jadual 1. Interpretasi terhadap min disusun mengikut turutan menurun dari min yang paling tinggi hingga kepada min yang paling rendah.

JADUAL 1. Interpretasi min tingkah laku afektif

Interpretasi	Skor Min
Tinggi	4.01-5.00
Sederhana Tinggi	3.01-4.00
Sederhana Rendah	2.01-3.00
Sangat Rendah	1.01-2.00

Sumber: Nunally (1978)

#### DAPATAN DAN PERBINCANGAN

##### DEMOGRAFI RESPONDEN KAJIAN

Jadual 2 di bawah menunjukkan dapatan berkaitan demografi responden kajian yang melibatkan institusi-institusi maahad tahfiz swasta dari seluruh Malaysia yang menjadi fokus kajian pelaksanaan dan pengurusan Maahad Tahfiz Malaysia.

JADUAL 2. Demografi responden

Jantina	Peratusan	Kekerapan
Lelaki	92.2	284
Perempuan	7.8	24
Umur Pelajar Tahfiz	Peratusan	Kekerapan
Bawah 12 tahun	7.1	22
13 – 17 tahun	75	231
18 – 23 tahun	14.9	46
24 – 34 tahun	2.3	7
Negeri Kelahiran	Peratusan	Kekerapan
Semenanjung Malaysia	97.4	300
Sabah	1.3	4
Sarawak	0.6	2
Luar Malaysia	0.6	2
Pendorong	Peratusan	Kekerapan
Diri sendiri	52.3	161
Ibu bapa	42.2	130
Lain-lain	4.5	17
Minat	Peratusan	Kekerapan
Ya	97.7	301
Tidak	1.9	6
Tidak dinyatakan	0.3	1

Jumlah responden yang menjawab soal selidik ialah seramai 308 orang. Majoriti responden ialah pelajar lelaki iaitu sebanyak 92.2%. manakala pelajar perempuan hanya sebanyak 7.8%. Peringkat umur responden adalah antara 5 sehingga 34 tahun. Majoriti adalah remaja dalam lingkungan umur 13 hingga 17 tahun iaitu sebanyak 75%. Ini diikuti peringkat umur antara 18 hingga 23 tahun sebanyak 14.9% kemudian sebanyak 7.1% pelajar pada peringkat di bawah umur 12 tahun. Terdapat sekelompok kecil sebanyak 2.3% dalam lingkungan umur 24 hingga 34 tahun.

Pelajar-pelajar tahfiz ini berasal dari pelbagai negeri di seluruh Malaysia termasuk Sabah dan Sarawak serta negara jiran. Responden kebanyakannya berasal daripada penduduk tempatan Semenanjung Malaysia iaitu sebanyak 97.4% dan 1.9% berasal dari Sabah dan Sarawak. Terdapat juga responden yang berasal dari negara jiran iaitu seorang pelajar (0.3%) berasal dari Songkhla dan seorang lagi pelajar (0.3%) berasal dari Vietnam.

Kebanyakan pelajar tahfiz yang mengikuti pembelajaran di institusi-institusi tahfiz swasta ini adalah atas minat sendiri di samping mendapat dorongan daripada ibu bapa sebanyak 52.3% manakala dorongan diri sendiri

sebanyak 42.2%. Hanya 1.9% yang menyatakan bahawa mereka tidak berminat untuk mengikuti pengajian tahfiz.

#### AMALAN PEMBELAJARAN PELAJAR TAHFIZ

Jadual 3 di bawah pula menunjukkan nilai min, sisihan piawai dan interpretasi min bagi 25 item dalam konstruk

amalan pembelajaran. Dapatan menunjukkan 9 item mencatatkan interpretasi min tinggi, 14 item pada tahap sederhana tinggi dan hanya 2 item pada tahap sederhana. Nilai min keseluruhan adalah 3.74 dengan sisihan piawai 0.43 yang menunjukkan tahap sederhana tinggi.

Skor min pada interpretasi tinggi yang paling tinggi didapati pada item pelajar tahfiz berusaha agar bacaan al-Quran lancar dan bertajwid dengan 76.3% menyatakan

JADUAL 3. Amalan pembelajaran pelajar tahfiz

Bil	Item	STS	TS	KP	S	SS	Min	S.P	Interpretasi
C04	Saya berusaha agar bacaan al-Quran lancar dan bertajwid	4 1.3%	6 1.9%	6 1.9%	57 18.5%	235 76.3%	4.67	0.73	Tinggi
C05	Saya berusaha mengikut bacaan guru sebaik mungkin	3 1.0%	0 0%	15 4.9%	90 29.4%	198 64.7%	4.57	0.68	Tinggi
C06	Saya suka mendengar bacaan guru	4 1.3%	2 0.6%	20 6.5%	93 30.3%	188 61.2%	4.50	0.76	Tinggi
C01	Saya sangat berminat dengan pengajian tahfiz	3 1.0%	4 1.3%	16 5.2%	108 35.1%	177 57.5%	4.47	0.74	Tinggi
C13	Saya mengambil berat dengan markah pencapaian hafazan	5 1.6%	6 2.0%	41 13.4%	139 45.6%	114 37.4%	4.15	0.85	Tinggi
C07	Saya sentiasa mengikuti kelas tasmi'	2 0.7%	9 3.0%	50 16.4%	135 44.3%	109 35.7%	4.11	0.83	Tinggi
C16	Saya menghafaz bermula dari juzuk tiga puluh	19 6.2%	34 11.1%	10 3.3%	75 24.5%	168 54.9%	4.11	1.26	Tinggi
C11	Saya mengulangi hafazan bersama rakan yang lain	3 1.0%	9 3.0%	42 13.8%	150 49.2%	101 33.1%	4.10	0.87	Tinggi
C19	Saya menghafaz bermula muka surat pertama setiap juzuk	12 3.9%	28 9.2%	32 10.5%	103 33.8%	130 42.6%	4.02	1.12	Tinggi
C24	Saya mengamalkan bacaan yasin pada malam Jumaat	13 4.2%	17 5.5%	55 17.9%	104 33.9%	118 38.4%	3.97	1.08	Sederhana tinggi
C12	Saya pernah menjadi imam solat jahar	11 3.7%	21 7.0%	55 18.3%	112 37.3%	101 33.7%	3.90	1.06	Sederhana tinggi
C10	Saya kerap kali mengulang kaji hafazan bersama guru	1 0.3%	19 6.2%	71 23.2%	143 46.7%	72 23.5%	3.87	0.86	Sederhana tinggi
C23	Saya sentiasa menjaga makhraj huruf setiap kali menghafaz	4 1.3%	10 3.3%	96 31.4%	120 39.2%	76 24.8%	3.83	0.89	Sederhana tinggi
C25	Saya mengamalkan bacaan tahlil di maahad tahfiz	16 5.2%	25 8.2%	71 23.3%	102 33.4%	91 29.8%	3.74	1.13	Sederhana tinggi
C09	Saya sentiasa mengulang kaji hafazan secara berseorangan	7 2.3%	22 7.2%	84 27.4%	140 45.6%	54 17.6%	3.69	0.92	Sederhana tinggi
C22	Saya fasih dalam bacaan hafazan	4 1.3%	18 5.9%	136 44.7%	88 28.9%	58 19.1%	3.59	0.91	Sederhana tinggi
C02	Saya mengikuti tahfiz kerana tidak minat bidang akademik	27 8.9%	61 20%	74 24.3%	64 21%	79 25.9%	3.35	1.30	Sederhana tinggi
C17	Saya menghafaz bermula dengan surah-surah pilihan	49 16%	57 18.6%	37 12.1%	81 26.5%	82 26.8%	3.29	1.44	Sederhana tinggi
C03	Saya tidak berminat belajar di sekolah kebangsaan	27 8.8%	62 20.3%	85 27.8%	63 20.6%	69 22.5%	3.28	1.26	Sederhana tinggi
C14	Saya memahami sepenuhnya ayat sebelum menghafaz	13 4.2%	38 12.4%	151 49.3%	69 22.5%	35 11.4%	3.25	0.96	Sederhana tinggi

bersambung

JADUAL 3. sambungan

Bil	Item	STS	TS	KP	S	SS	Min	S.P	Interpretasi
C08	Saya mampu menulis semula ayat al-Quran yang telah dihafal	19 6.6%	35 11.4%	157 51.3%	60 19.6%	35 11.4%	3.19	0.99	Sederhana tinggi
C21	Saya menghafaz al-Quran serta memahami terjemahan ayat	20 6.6%	50 16.4%	129 42.4%	67 22%	38 12.5%	3.17	1.06	Sederhana tinggi
C15	Saya menghafaz bermula dari juzuk pertama	46 15%	63 20.5%	64 20.8%	82 26.7%	52 16.9%	3.10	1.32	Sederhana tinggi
C20	Saya menulis kalimah baru dalam buku mufradat al-Quran	34 11.4%	56 18.7%	127 42.5%	58 19.4%	24 8%	2.94	1.09	Sederhana rendah
C18	Saya menghafaz dari muka surat terakhir setiap juzuk	74 24.4%	94 31.0%	62 20.5%	43 14.2%	30 9.9%	2.54	1.27	Sederhana rendah
Min Keseluruhan							3.74	0.43	Sederhana tinggi

sangat setuju dan setuju sebanyak 18.5%. Ini bermakna peratusan persetujuan adalah sangat tinggi mencatat peratusan 94.8% menunjukkan semua pelajar bersetuju bahawa membaca al-Quran secara lancar dan bertajwid itu satu tuntutan fardhu ain yang tidak boleh dipandang remeh.

Manakala item pelajar tahfiz berusaha mengikut bacaan guru sebaik mungkin dengan sebanyak 64.7% responden menyatakan sangat setuju dan 29.4% menyatakan setuju, diikuti pula dengan pelajar tahfiz suka mendengar bacaan guru dengan 61.2% responden menyatakan sangat setuju dan 30.3% menyatakan setuju. Kedua-dua item ini sangat berkait rapat kerana guru merupakan watak utama yang akan membimbing bacaan al-Quran secara *talqin* atau *talaqqi* dalam sesebuah pengajaran al-Quran.

Begitu juga dengan item pelajar tahfiz sangat berminat dengan pengajian tahfiz mencatatkan skor min pada tahap tinggi iaitu sebanyak 57.5% menyatakan sangat setuju dan 35.1% menyatakan setuju. Persetujuan sebanyak 92.6% ini menunjukkan tahap minat yang sangat tinggi ada pada pelajar-pelajar. Ini diikuti dengan item pelajar tahfiz mengambil berat dengan markah pencapaian hafazan dengan 37.4% responden menyatakan sangat setuju dan 45.5% menyatakan setuju. Persetujuan sebanyak 83% ini menunjukkan pencapaian markah hafazan menjadi faktor intrinsik terhadap motivasi pelajar untuk menghafaz.

Kemudian empat item yang turut mencatatkan skor min pada tahap tinggi ialah item pelajar tahfiz sentiasa mengikuti kelas tasmii' dengan sebanyak 35.7% menyatakan sangat setuju dan 44.3% menyatakan setuju. Persetujuan sebanyak 90.6% ini menunjukkan kepentingan sesi tasmii' pada persepsi pelajar tahfiz dalam proses pembelajaran tahfiz. Ini diikuti dengan item pelajar tahfiz menghafaz bermula dari juzuk tiga puluh dengan 54.9% responden menyatakan sangat setuju dan 24.5% menyatakan setuju, diikuti pula dengan item pelajar tahfiz mengulangi hafazan bersama rakan yang lain dengan 33.1% responden menyatakan sangat setuju dan 49.2% menyatakan setuju dan akhir sekali item yang mencatat skor min pada tahap

tinggi ialah pada item pelajar tahfiz menghafaz bermula muka surat pertama setiap juzuk dengan 42.6% responden menyatakan sangat setuju dan 33.8% menyatakan setuju.

Kemudian 14 item berikutnya mencatatkan skor min pada tahap sederhana tinggi. Item pelajar tahfiz mengamalkan bacaan Yasin pada malam Jumaat dengan 38.4% responden menyatakan sangat setuju dan 33.9% menyatakan setuju. Peratusan sebanyak 72.3% menunjukkan sebahagian besar pelajar tahfiz menjadikan amalan membaca surah Yasin pada malam Jumaat sebagai amalan yang penting dan sering dilakukan secara berterusan.

Kemudian item pelajar tahfiz pernah menjadi imam solat jahar dengan peratusan sangat setuju sebanyak 33.7% dan 37.3% setuju. Ini menunjukkan majoriti 71% pelajar tahfiz sentiasa mempratikkan hafazan mereka semasa menjadi imam solat jahar. Item seterusnya pelajar tahfiz kerap kali mengulang kaji hafazan bersama guru dengan peratusan persetujuan sebanyak 70.2% iaitu sangat setuju sebanyak 23.5% dan 46.7% setuju menunjukkan guru memainkan peranan yang penting dalam strategi menghafaz pelajar. Manakala item pelajar tahfiz sentiasa menjaga makhraj huruf setiap kali menghafaz dengan peratusan sangat setuju sebanyak 24.8% dan 39.2% setuju. Ini menunjukkan pelajar-pelajar tahfiz turut mengambil berat terhadap sebutan huruf-huruf al-Quran yang dihafaz. Manakala item pelajar tahfiz mengamalkan bacaan tahlil di maahad tahfiz mencatat peratusan sangat setuju sebanyak 29.8% dan 33.4% setuju.

Tidak kurang juga pelajar tahfiz yang menggemari strategi menghafaz secara individu apabila item pelajar tahfiz sentiasa mengulang kaji hafazan secara berseorangan mendapat peratusan persetujuan sebanyak 63.2% iaitu sangat setuju sebanyak 17.6% dan 45.6% setuju. Namun demikian, persepsi pelajar tahfiz terhadap kefasihan bacaan hafazan mereka majoritinya kurang pasti apabila mencatat 44.7% tidak pasti. Ini dapat dilihat apabila item pelajar tahfiz fasih dalam bacaan hafazan mencatat peratusan sangat setuju hanya sebanyak 19.1% dan 28.9% setuju.

Hampir separuh iaitu 46.9% menyatakan persetujuan bahawa mereka memasuki sekolah atau maahad tahfiz kerana kurang berminat terhadap akademik. Ini dapat dilihat melalui item pelajar tahfiz mengikuti tahfiz kerana tidak minat bidang akademik dengan peratusan sangat setuju sebanyak 25.9% dan 21% setuju. Dapatan ini seiring dengan item pelajar tahfiz tidak berminat belajar di sekolah kebangsaan yang mencatat peratusan sangat setuju sebanyak 22.5% dan setuju sebanyak 20.6% peratus.

Terdapat kepelbagaian amalan pembelajaran berasaskan strategi-strategi menghafaz yang digunakan oleh pelajar tahfiz. Antaranya ialah menghafaz surah-surah pilihan terlebih dahulu dengan mencatat persetujuan sebanyak 53.3%. Ini dapat dilihat menerusi item pelajar tahfiz menghafaz bermula dengan surah-surah pilihan dengan peratusan sangat setuju sebanyak 26.8% dan 26.5% setuju. Ini diikuti oleh strategi kedua pada item pelajar tahfiz menghafaz bermula dari juzuk pertama dengan peratusan sangat setuju sebanyak 16.9% dan setuju sebanyak 26.7%. Strategi mula menghafaz dari juz satu ini mencatat peratusan persetujuan sebanyak 43.6%. Ini diikuti item pelajar tahfiz menghafaz al-Quran serta memahami terjemahan ayat dengan peratusan sangat setuju sebanyak 12.5% dan setuju sebanyak 22% dan item pelajar tahfiz memahami sepenuhnya ayat sebelum menghafaz mencatat peratusan sangat setuju sebanyak 11.4% dan 22.5% setuju. Kedua-dua item ini menunjukkan pemahaman ayat sebelum dihafaz banyak membantukan meningkatkan hafazan pelajar tahfiz. Akhir sekali, item pelajar tahfiz mampu menulis semula ayat al-Quran yang telah dihafal mencatat peratusan sangat setuju sebanyak 11.4% dan setuju sebanyak 19.6%, dengan peratusan paling sedikit iaitu 31% sebagai amalan pembelajaran pilihan pelajar tahfiz untuk menghafaz.

Seterusnya hanya dua item yang mencatatkan skor min pada tahap sederhana rendah iaitu pada item pelajar tahfiz menghafaz dari muka surat terakhir setiap juzuk dan item pelajar tahfiz menulis kalimah baru dalam buku mufradat al-Quran. Ini menunjukkan pelajar-pelajar tahfiz jarang menggunakan kedua-ke dua strategi tersebut dalam pembelajaran mereka. Min keseluruhan amalan pembelajaran pelajar tahfiz swasta pada persepsi mereka berada pada tahap sederhana tinggi dengan min 3.74.

#### PERBINCANGAN

Secara keseluruhan, pelajar tahfiz di maahad-maahad swasta mempunyai amalan pembelajaran dengan strategi yang pelbagai dalam menghafaz al-Quran. Paling ketara ialah pembelajaran sendiri, pembelajaran bersama guru, pembelajaran bersama rakan sebaya, pembelajaran melibatkan institusi, sekolah atau maahad dan pembelajaran berasaskan motivasi intrinsik. Ini menunjukkan kepelbagaian amalan pembelajaran yang diamalkan oleh pelajar-pelajar tahfiz di maahad swasta berupaya menjamin objektif yang berkesan. Kajian Azmil & Misnan Jemali (2015) mendapati hubungan dan perkaitan yang kukuh dengan pencapaian

hafazan pelajar memberi kefahaman bahawa teknik pembelajaran tahfiz ini perlu diberi penekanan khusus dan diperkembangkan dalam pembelajaran tahfiz. Ini adalah kerana teknik pembelajaran ini telah memberi sumbangan yang signifikan terhadap pencapaian tahfiz pelajar (Nor Musliza & Mokmin 2014).

Perkara yang paling utama, pelajar-pelajar tahfiz mengambil berat terhadap mutu bacaan hafazan mereka apabila dapatan kajian menunjukkan mereka sentiasa menitikberatkan aspek-aspek seperti kelancaran, tajwid, makharijal huruf dan kefasihan menyebut huruf-huruf al-Quran. Hal ini amat penting dalam melahirkan huffaz yang mempunyai bukan sahaja hafazan yang baik malah bacaan al-Quran yang berkualiti tinggi. Ini selari dengan dapatan Abdul Hafiz et al. (2005) yang menunjukkan bahawa, kelancaran di dalam pembacaan al-Quran memberikan pengaruh yang besar kepada para huffaz di dalam menghafaz al-Quran. Oleh sebab itu, untuk mempercepatkan proses mengingat hafazan yang dibuat, para huffaz terlebih dahulu melancarkan pembacaan bagi ayat yang ingin dihafaz.

Di samping menghafaz secara berseorangan untuk memantapkan hafazan, pilihan menghafaz bersama rakan juga merupakan strategi yang baik. Ia merupakan salah satu daripada strategi pilihan pelajar-pelajar tahfiz di maahad-maahad tahfiz swasta. Ini selari dengan dapatan Abdul Hafiz et al. (2005) yang mendapati majoriti responden bersetuju bahawa mereka sering mengulang dan menyemak hafazan mereka bersama rakan-rakan sekurang-kurangnya dua kali seminggu. Sebanyak 72% menyatakan persetujuan.

Strategi penetapan ayat-ayat hafazan juga berbeza di antara satu sama lain. Ada yang bermula dari juzuk tiga puluh, ada yang menghafaz bermula muka surat pertama setiap juzuk, ada yang bermula dengan surah-surah pilihan namun tidak ramai yang bermula dengan muka surat terakhir setiap juzuk. Strategi-strategi seperti ini sangat unik untuk dijustifikasi kerana ia bergantung kepada individu itu sendiri. Hal ini pernah dijelaskan oleh M. Muhsin (1994), A. al-Wafa (1999) dan As-Syarbini (2004) dengan menyatakan bahawa pelajar seharusnya menentukan kadar hafazan berdasarkan kemampuan akal dan situasi pelajar pada waktu tersebut sebelum menghafaz. Di samping itu, pelajar juga perlu melihat jangka masa yang diperuntukkan untuk menghafaz dan jenis ayat yang ingin dihafaz sama ada susah atau senang serta panjang ataupun pendek ayat al-Quran tersebut.

Walau bagaimanapun, strategi menghafaz bersama guru tetap menjadi pilihan utama kerana pelajar-pelajar mendapat *role model* bacaan yang baik dan berkualiti daripada guru. Strategi seperti pelajar berusaha mengikut bacaan guru sebaik mungkin, mendengar bacaan guru, sentiasa mengikuti kelas tasmii' dan kerap kali mengulang kaji hafazan bersama guru menunjukkan kepercayaan pelajar yang tinggi terhadap guru. Menyedari hakikat ini, guru-guru tahfiz seharusnya meningkatkan kompetensi mereka agar menjadi guru yang kompeten dalam pengajaran tahfiz al-Quran.

Strategi yang melibatkan aktiviti penulisan al-Quran kurang dipraktikkan oleh pelajar-pelajar tahfiz. Hal ini memerlukan penelitian semula kerana penulisan al-Quran hakikatnya salah satu daripada agen yang memelihara al-Quran selain daripada aktiviti talaqqi musyafahah dan hafazan. Ini selari dengan kajian Abdul Hafiz et al. (2005) yang mendapati tidak ramai responden yang bersetuju bahawa kaedah menulis ayat yang hendak dihafaz berulang kali sebelum dan selepas menghafaz sesuatu ayat al-Quran itu adalah satu kaedah yang paling baik di dalam menghafaz al-Quran. Min yang dicatatkan pada persoalan ini iaitu 3.20 yang mana berada pada aras persetujuan yang sederhana. Walhal, kaedah penulisan sebelum menghafaz amat disarankan oleh Abu Najihat (2002). Begitu juga strategi pemahaman ayat sebelum menghafaz masih belum dipraktikkan sepenuhnya oleh pelajar-pelajar tahfiz. Ini pernah dinyatakan oleh A. Hafiz dan Hasimah (2003) bahawa menghafaz menggunakan teknik menggambarkan gambaran ayat merupakan satu strategi yang baik untuk menghafaz. Strategi pemahaman ayat ini juga sangat penting untuk menghafaz ayat-ayat *mutasyabih* (serupa), ayat *al-wahm* (sukar difahami) dan *tikrar lafzi* (pengulangan kalimah). Kesukaran mempraktikkan strategi ini memerlukan penelitian memandangkan kepentingannya tidak dapat dinafikan lagi berupaya membantu pelajar menghafaz tetapi kurang dipraktikkan.

Kesimpulannya, amalan pembelajaran pelajar tahfiz meliputi gaya dan strategi pembelajaran di maahad-maahad tahfiz diamalkan dalam bentuk yang pelbagai. Di samping amalan pembelajaran sendiri, amalan pembelajaran yang bersifat kolaborasi seperti berkolaborasi dengan guru atau pun rakan sebaya didapati menghasilkan impak yang maksimum dan berkesan. Dapatan kajian ini mendapati tiga komponen penting dalam menghafaz al-Quran telah dipraktikkan dalam amalan pembelajaran pelajar tahfiz iaitu membaca al-Quran secara tartil (*Tilawah*), menghafaz (*Hifz*) dan kebolehan menulis keseluruhan al-Quran secara sempurna tanpa kesilapan (*Darrasi*) (Taiwo 2014), namun masih belum mencapai tahap yang optimum. Dapatan kajian ini seharusnya menjadi titik tolak kepada pelbagai institusi yang mengadakan program pengajian tahfiz agar mengenal pasti dan memperkenalkan amalan pembelajaran tahfiz yang lebih efektif dalam kalangan pelajar mereka.

#### KESIMPULAN

Kajian ini telah menunjukkan tahap amalan pembelajaran tahfiz yang dilakukan oleh pelajar tahfiz. Teknik-teknik yang pelbagai melalui amalan pembelajaran tahfiz yang diamalkan oleh pelajar tahfiz mempunyai perkaitan yang kuat dengan pencapaian dan kualiti hafazan. Oleh yang demikian aspek teknik dan elemen-elemen yang lebih kecil di dalam amalan pembelajaran tahfiz perlu diberi perhatian khusus oleh semua pihak dalam merangka kurikulum pengajaran dan pembelajaran tahfiz.

#### RUJUKAN

- Al-Quran al-Karim.
- Hafiz, A. & Hasimah, M. 2003. *Kaedah hafazan al-Quran yang Sistematis dan Praktikal dalam Melahirkan Para Huffaz yang Rasikh*. Pusat Pengajian Islam dan Sosial. Universiti Teknologi Malaysia.
- A. Al-Wafa, A. A. 1999. *An-Nur al-mubin lithafiz al-Quran al-Karim*. Kaherah: Darul Wafa'.
- Abdul Hafiz Haji Abdullah, Hussin Salomon, Azmi Shah Suratman, Sulaiman Shakib Mohd Noor, Kamarul Azmi Jasmi & Abdul Basit Samat @ Darawi. 2005. Sistem pembelajaran dan kaedah hafazan al-Qur'an yang efektif: Satu kajian di Kuala Lumpur dan Terengganu. *Projek Penyelidikan*. Pusat Pengajian Islam dan Pembangunan Sosial, Universiti Teknologi Malaysia.
- Abu Najihat al-Hafiz. 2002. *Panduan bagi Hafiz-Hafizah & Qari-Qari'ah*. Selangor: Penerbitan Darul Iman Sdn. Bhd.
- Al-Habash, A. M. 1987. *Kaifa tahfaz al-Quran*. Beirut: Dar al-Khair.
- Al-Qabisi Abi Hasan Ali Muhammad Khalaf. 1955. *Ar-Risalah al-mufassolah li ahwal al-mua'allimin wa ahkam almu'allimin wal mutaallimin*. Kaherah: Dar Ehya' al Kutub al Arabiyyah.
- As-Syarbini, I. A. M. 2004. *As-Sabil ila al-Jinan bi Bayan Kaifa Yuhfazul Quran*. Zaqaqiq: Dar Ibnu Kathir.
- Ashraf Ismail. 2018. Amalan pengajaran pensyarah tahfiz di maahad tahfiz al-Quran kelolaan JAKIM. Tesis Ijazah Doktor Falsafah. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Azmil Hashim & Misnan Jemali. 2015. Kajian mengenai hubungan antara teknik pembelajaran tahfiz dan pencapaian hafazan al-Qur'an para pelajar. *Jurnal Perspektif* 6(2): 15-25.
- Azmil Hashim, Ab.Halim Tamuri & Misnan Jemali. 2013. Latar Belakang guru tahfiz dan amalan teknik pengajaran tahfiz al-Quran di Malaysia. *The Online Journal of Islamic Education* 1(1): 28-39.
- Azmil Hashim. 2010. Penilaian Pelaksanaan Kurikulum Tahfiz Darul Quran dan Maahad Tahfiz al-Quran Negeri. Tesis Ijazah Doktor Falsafah. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Cohen, L., Manion, L. & Morrison, K. 2000. *Research Methods in Education*. London: Routledge Falmer.
- Darul Quran. 2006. *Sejarah Darul Quran*. Bahagian Perhubungan Darul Quran JAKIM.
- Dunn, R. S. & K. J. Dunn. 1972. Learning styles/teaching styles: Should they ... can they ... be matched? *Educational Leadership* 36: 238-244.
- Gregorc, A.F. 1979. Learning/teaching styles: Their nature and effects. In *Student learning styles: Diagnosing and prescribing programs*, edited by J.W. Keefe. Reston, VA: National Association of Secondary School Principals.
- M. Marzuqi, A. R. 2008. Pengajaran Mata Pelajaran Hafazan Al-Quran: Suatu Kajian Maahad Tahfiz Al-Quran Zon Tengah. Kertas Projek Sarjana: Fakulti Sains Kognitif dan Pembangunan Manusia: Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- M. Muhsin, S. A. 1994. *Al-Quran dan Cara-cara Menghafaz*. Shah Alam: Perpustakaan Darul Quran.
- Meor Ibrahim Kamaruddin & Assaadah Mohamad. 2011. Kajian gaya pembelajaran dalam kalangan pelajar UTM. *Journal of Educational Psychology and Counseling* 2: 51-77.
- Misnan, J. & Ahmad, S. H. 2003. Hubungan antara teknik menghafaz al-Quran dengan pencapaian Kursus Tahfiz

- wa al-Qiraat pelajar semester empat dan lima di Maahad Tahfiz wal Qiraat di Perak. *Seminar Teknik pengajaran Tahfiz al-Quran Peringkat Kebangsaan*. Kolej Universiti Islam Malaysia.
- Nor Musliza Mustafa & Mokmin Basri. 2014. A Preliminary study on mobile quranic memorization for remote education learning using RFID technology: KUIS as a study case. *GLIT E-Journal Language Practice & Information Technology*.
- Nunally, J. C. 1978. *Psychometric Theory*. New York: Mc Graw Hill Book Company.
- Robson, C. 1998. *Real World Research*. UK: Blackwell Publisher Ltd.
- Taiwo, F. 2014. Transforming the Almajiri Education for the Benefit of the Nigerian Society. *International Letters of Social and Humanistic Sciences*. Retrieved from <http://www.ceeol.com/asp/getdocument.aspx?logid=5&id=6128b808dfc94ceebaf76ece274c878c>
- Mohd Aderi Che Noh  
Fakulti Pendidikan  
Universiti Kebangsaan Malaysia  
Emel: [aderi@ukm.edu.my](mailto:aderi@ukm.edu.my)
- Khadijah Abdul Razak  
Fakulti Pendidikan  
Universiti Kebangsaan Malaysia  
Emel: [khadijah.razak@ukm.edu.my](mailto:khadijah.razak@ukm.edu.my)
- Pengarang untuk surat-menyurat, emel: [zfarahilyani@yahoo.com](mailto:zfarahilyani@yahoo.com)
- Diserahkan: 15 Ogos 2018  
Diterima: 5 November 2018  
Diterbitkan: 31 Disember 2018

Farah Ilyani Zakaria\*  
IPG Kampus Pendidikan Islam  
Bangi  
Emel: [zfarahilyani@yahoo.com](mailto:zfarahilyani@yahoo.com)